

22/11/2000

Asean mesti pulihkan imej `Harimau Asia`

Jamhariah Jaafar

SIDANG Kemuncak Tidak Rasmi Asean yang bermula di Singapura semalam akan menggariskan langkah yang perlu bagi mengukuhkan Persatuan Negara-Negara Asean (Asean) dan pada masa sama, meluaskan kerjasama dengan negara rakan dialog China, Jepun dan Korea Selatan.

Ringkasnya, ia mengkaji semula masa depan negara Asia Tenggara selepas mengalami kemelut ekonomi yang memberi kesan besar kepada beberapa negara anggota, serta menetapkan arah haluan yang lebih jitu bagi menghadapi ancaman globalisasi yang turut menyaksikan ada negara mula mengorak langkah bersendirian.

Mesyuarat pemimpin tertinggi Asean pada 24 dan 25 November ini, akan melihat semula rangka kerja yang dibentuk bagi memastikan bahawa Asean dapat mengembalikan imej sebagai `Harimau Asia` yang dilihat dunia luar sebagai sudah kehilangan taring.

Dengan hampir semua negara anggota terkejut dengan krisis ekonomi dan semakin pulih, sidang kali ini penting untuk mengkaji semula kedudukan dan arah haluan Asean terutama menghadapi cabaran alaf baru.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, mesyuarat itu akan memberi tumpuan kepada kesepakatan serta cabaran ekonomi dan politik untuk mengintegrasikan negara anggota bagi memperkukuhkan lagi Asean.

Katanya, dalam situasi selepas kemelut adalah penting bagi Asean memastikan negara anggota mempunyai matlamat dan pendekatan sama dalam menghadapi cabaran dan kesan proses globalisasi.

"Kalau kita tidak bincang perkara yang berlaku dalam keadaan sekarang, banyak negara Asean mungkin mengambil pendekatan yang boleh melemahkan Asean dengan menyertai pertubuhan atau perjanjian lain," katanya.

Kebimbangan Malaysia itu ternyata berasas berikutan pendedahan Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Mohamed Ariff Abdul Kareem semalam, bahawa anggota Asean terkecil dan kaya, Singapura sudah mengambil inisiatif sendiri dengan memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan beberapa negara di luar rantau ini.

Dr Mohamed Ariff menegaskan, tindakan Singapura itu boleh melemahkan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan semua negara anggota perlu serius terhadap sikap Singapura yang membelakangkan rakan kongsi dalam persatuan itu.

Tindakan itu juga dilihat sebagai menjejaskan kredibiliti Asean dan kewibawaan Afta kerana ia membolehkan produk dari negara yang memeterai FTA dengan republik itu mendapat keutamaan tarif untuk memasuki pasaran Asean.

Ironinya, Menteri Luar Singapura, S Jayakumar dalam pertemuan dengan wakil media Malaysia baru-baru ini dipetik sebagai berkata, adalah penting bagi seluruh anggota Asean untuk bekerjasama lebih erat bagi melalui tempoh yang paling kritikal dalam sejarahnya.

"Suatu masa dulu ia dijulang sebagai sebuah kumpulan yang berjaya, tetapi ia kini kehilangan kehebatan antaranya diakibatkan krisis ekonomi dan sebahagian lagi disebabkan beberapa negara Asean sendiri melalui cabaran sama ada ekonomi atau politik," katanya.

Menurut Jayakumar, dalam usaha untuk memulihkan imejnya, Asean perlu bekerja keras membuktikan ia terus utuh sebagai sebuah persatuan dengan memberi penekanan kepada integrasi di kalangan semua 10 negara anggota.

"Cabaran utama sekarang ialah untuk mengelak daripada wujudnya dua barisan dalam Asean, iaitu satu membabitkan negara anggota pengasas dan

satu lagi anggota baru seperti Vietnam, Kemboja, Laos dan Myanmar.

"Kita (Asean) tidak boleh dipisahkan, ia mesti berada atas landasan sebagai sebuah kumpulan serantau dengan sikap kerjasama yang padu," katanya.

Bagaimanapun, apa yang jelas masalah berkenaan akan menjadi fokus perbincangan pemimpin tertinggi Asean, tetapi semangat kerjasama yang ada akan turut digalangi pelbagai masalah dalaman yang dihadapi oleh negara anggota itu sendiri.

Justeru, Menteri Luar Singapura itu dilaporkan sebagai berkata, setiap negara yang menghadapi masalah dalaman perlu memastikan mereka menyelesaikan dulu masalah ekonomi, politik atau sosial masing-masing.

"Kita perlu membuktikan bahawa kita serius. Pengasas persatuan ini perlu bekerja keras untuk menyatukan negara anggota baru. Malaysia contohnya, sudah mendahului dalam era teknologi maklumat (IT) jadi ia boleh bekerjasama dengan negara lain untuk mengurangkan jurang digital yang wujud sesama negara anggota," katanya.

Asean dianggotai Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina, Brunei, Vietnam, Laos, Kemboja, dan Myanmar. Rantau ini pernah digelar sebagai Harimau Asia berikutan kemakmuran ekonomi yang menyaksikan hampir semua negara pengasas mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Bagaimanapun, krisis ekonomi yang bermula di Thailand pada 1997, merebak dan menjejaskan hampir semua usaha negara utama Asean seperti Malaysia dan Indonesia.

Malaysia bangkit daripada kemelut dengan ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melahirkan formula kawalan ekonominya sendiri. Bagaimanapun, negara anggota seperti Indonesia masih menggalang beban krisis yang berpanjangan, di samping krisis politik yang meruncing. Filipina juga kini menghadapi krisis politik membabitkan kedudukan Presiden Joseph Estrada.

Justeru, pemerhati melihat sekiranya pemimpin negara terbabit hadir, tumpuan mereka kepada perbincangan serius 'amat dibimbangkan'. Berikutan itu, terserah kepada pemimpin utama Asean yang lain seperti Dr Mahathir dan pemimpin tuan rumah, Goh Chok Thong serta Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai, untuk menentukan rentak mesyuarat kali ini.

Atur cara untuk pemimpin tertinggi Asean termasuk dengan tiga rakan dialog (Asean+3) iaitu China, Jepun dan Korea Selatan, Khamis ini dijangka menyentuh secara panjang lebar mengenai masa depan Asia Timur dan cara mengukuhkan kerjasama.

Menurut pemerhati, perbincangan pemimpin tertinggi kali ini tidak ada agenda khusus, antara lain akan menggariskan wawasan mereka untuk Asia Timur dan mencadangkan kerjasama antara negara itu diperkukuhkan lagi.

Di samping itu, perbincangan juga bertumpu kepada cabaran yang akan dihadapi Asean pada masa depan dengan memberi perhatian kepada persaingan ekonomi, keutuhan politik dan cabaran sosial.

Ia juga dijangka menyentuh hal membabitkan integrasi Asean, langkah untuk mengurangkan jurang digital dan langkah mengukuhkan Asean itu sendiri.

"Dalam perbincangan membabitkan topik: Menghadapi Cabaran, pemimpin Asean dijangka membincangkan maklum balas serta langkah konkrit dan praktikal mengenai pelbagai kebimbangan terutama globalisasi yang boleh mengancam pengukuhan Asean sekiranya ia tidak ditangani dengan matang dan waras," kata pemerhati berkenaan.

Pemimpin Asean juga dijangka mengeluarkan pernyataan Rasionalisasi Sidang Kemuncak, di samping menandatangani Perjanjian Rangka Kerja e-Asean, litar Internet yang akan menghubungkan antara negara anggota.

Perbincangan juga akan menyentuh mengenai persetujuan yang dicapai Menteri-Menteri Pengangkutan Asean membabitkan pembinaan Landasan Keretapi

Trans-Asia dari Singapura ke Kunming, China, melalui beberapa negara Asean termasuk Malaysia, Thailand dan Vietnam.

Kajian kemungkinan yang disediakan Malaysia sudah dibentang di mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan Asean pada Oktober lalu, dan diterima sebulat suara semua negara anggota.

(END)